

Kajian Tentang Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium
Negeri Terengganu

FYP FTKW

NUR LIYANA SHAHIRA BINTI ZAINOL

UNIVERSITI

MALAYSIA
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Tentang Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu

Oleh

Nur Liyana Shahira Binti Zainol

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan


Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.




TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

(Tanda tangan pelajar)

Tarikh : 27.1. 2021

Disahkan oleh:

(Tanda tangan penyelia)

Nama : Dr. Shahariah Shahrudin

Tarikh : 5. 2. 2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrohim, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T., kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Shahariah Norain Binti Shahrudin, selaku penyelia saya di atas kesabaran, nasihat, sokongan, dan bimbingan yang diberikan telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, strategi, semangat dan kebijaksanaan beliau telah banyak membantu saya dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi ilmu berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Terima kasih kepada pihak dari Lembaga Muzium Negeri Terengganu kerana telah banyak membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan pengurusan koleksi di Galeri Tekstil khususnya. jutaan terima kasih juga kepada kedua-dua ibu bapa yang dikasihi, Encik Zainol Bin Baharom dan Puan Saadiaton Binti Rashid yang sentiasa memberi doa, dorongan, peringatan, bantuan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI SIMBOL	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4
1.3 PERSOALAN KAJIAN	5
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	5
1.5 SKOP KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	6
1.7 KESIMPULAN	7

BAB 2 SOROTAN KAJIAN		
2.0	PENGENALAN	8
2.1	DEFINISI ISTILAH	8
2.1.1	Tekstil	8
2.1.2	Pengurusan Koleksi	9
2.1.3	Muzium	9
2.1.4	Konservasi	9
2.2	SEJARAH MUZIUM DI MALAYSIA	10
2.2.1	Jenis-jenis dan Muzium-muzium Yang Terdapat Di Malaysia	10
2.2.2	Muzium Negri Terengganu	10
2.3	PENGURUSAN KOLEKSI	11
2.3.1	Pinjaman	14
2.3.2	Hadiah/Derma	16
2.3.3	Pembelian	17
2.3.4	Wasiat	19
2.3.5	Sumber-sumber Lain	20
2.4	PROSES KONSERVASI	21
2.5	KONSEPTUAL	24
2.6	KESIMPULAN	27
BAB 3 METODOLOGI		
3.0	PENGENALAN	28

3.1	PENDEKATAN KAJIAN	28
3.2	REKABENTUK KAJIAN	29
3.2.1	Kaedah Kualitatif	29
3.2.2	Kaedah Kuantitatif	30
3.2.3	Kaedah Campuran	30
3.2.4	Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian	30
3.3	PENGUMPULAN DATA	30
3.3.1	Data Primer	31
i)	Temubual	31
ii)	Pemerhatian	31
3.3.2	Data Sekunder	32
i)	Perpustakaan	32
ii)	Buku	32
iii)	Internet	32
3.3.3	Proses Kajian	33
3.4	PERSEMPELAN	34
3.5	INSTRUMENT KAJIAN	34
3.6	ANALISIS DATA	34
3.7	KESIMPULAN	35
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.0	PENGENALAN	36

4.1	PROSEDUR DALAM MENJALANKAN KAJIAN	36
4.2	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	39
4.2.1	Objektif 1: Mengenalpasti Kaedah Perlaksanaan Sistem Manual Pengurusan Koleksi untuk Tekstil Warisan yang Digunapakai di Muzium Negeri Terengganu	40
4.2.2	Objektif 2: Mengkaji Kaedah Pengurusan Penyimpanan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu	43
4.2.2.1	Kaedah Pengurusan Koleksi: Ruang Pameran	43
4.2.2.2	Kaedah Pengurusan Koleksi: Ruang Simpanan	46
4.2.3	Objektif 3: Mengkaji Proses-Proses Konservasi Koleksi bagi Tekstil Warisan di Muzium Negeri Terengganu	48
4.3	KEBERKAITAN KAJIAN DAN KONSEPTUAL	53
4.4	KESIMPULAN	54
BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN		
5.0	PENGENALAN	56
5.1	CADANGAN	56
5.1.1	Mempercepatkan Proses Penaiktarafan Sistem Pengurusan Koleksi Tekstil	56
5.1.2	Mengunsurkan Cadangan Penambahan Kakitangan Muzium Khususnya Pada Bahagian Konservasi Koleksi	57
5.2	KESIMPULAN	58

RUJUKAN


59

LAMPIRAN


62



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
Rajah 2.1	Carta Aliran Perolehan Secara Pinjaman	15
Rajah 2.2	Carta Aliran Perolehan Melalui Hadiah/Derma	16
Rajah 2.3	Carta Aliran Perolehan Secara Pembelian	18
Rajah 2.4	Carta Aliran Perolehan Secara Wasiat	19
Rajah 2.5	Carta Aliran Perolehan Melalui Sumber Lain-lain	20
Rajah 2.6	Carta Aliran Proses Pemuliharaan	23
Rajah 2.7	Carta Aliran Pengurusan Koleksi	26
Rajah 3.1	Proses Kajian	33
Rajah 4.1	Prosedur dalam Menjalankan Kajian	39
Rajah 4.2	Bersama Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman (Ketua Bahagian Etnologi)	42
Rajah 4.3	Kain Pelangi	44
Rajah 4.4	Sistem Pencahayaan yang Digunapakai di Muzium	45
Rajah 4.5	<i>Silica Gel</i>	46
Rajah 4.6	Kain <i>Sateen Cotton</i> yang dialas pada Paip <i>Polyvinyl Chloride (PVC)</i>	47
Rajah 4.7	Kertas <i>Acid-Free Tissue</i>	47
Rajah 4.8	Penampalan Lubang pada Kain	50
Rajah 4.9	Jenis Jahitan yang Digunakan bagi Proses Konservasi	51

Rajah 4.10	Paip <i>Polyvinyl Chloride</i> (PVC) yang Dialas dengan menggunakan Kain <i>Sateen Cotton</i>	52
Rajah 4.11	Kain yang digulung bersama Kertas <i>Acid-Free Tissue</i>	52
Rajah 4.12	Bersama Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi)	53

SENARAI SINGKATAN

ICOM	International Council of Museum
UNESCO	The United Nations Educational Scientific and Cultural Organisation
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
QR CODE	Quick Response Code
LED	Light Emiting Diode
PVC	Polyvinyl Chloride

SENARAI SIMBOL

%	Peratus
---	---------

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu

Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui kaedah pengurusan koleksi tekstil oleh pihak Muzium Negeri Terengganu. Muzium Negeri Terengganu ini dipilih oleh kerana ia merupakan salah satu institusi yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara khazanah warisan khususnya yang diperolehi di Negeri Terengganu. Kajian ini tertumpu kepada mengenalpasti kaedah untuk menguruskan koleksi di galeri Tekstil Muzium Negeri Terengganu. Kajian ini juga akan lebih tertumpu kepada pengurusan koleksi tekstil dari perolehan, pendaftaran, pemuliharaan, penyimpanan, penyelidikan dan pameran. Penyelidikan ini akan memberikan cadangan pengurusan koleksi tekstil kepada Muzium Negeri Terengganu bagi tujuan penambahbaikan dalam menguruskan koleksi tersebut. Hal ini kerana pengurusan koleksi tekstil perlu diberi perhatian supaya koleksi tersebut dapat dipelihara, dipulihara dan dapat dipamerkan kepada tatapan umum dan generasi akan datang.

Kata Kunci: Pengurusan, Tekstil, Memelihara, Memulihara, Muzium Negeri Terengganu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Abstract

The purpose of this study is to find out how to manage the collection of textiles by the Terengganu State Museum. The Terengganu State Museum was selected because it is one of the institutions responsible for preserving and preserving heritage treasures especially those found in the State of Terengganu. This study focuses on identifying methods for managing collections in the Terengganu State Museum Textile gallery. This study will also be more focused on textile collection management from procurement, registration, conservation, storage, research and exhibition. This research will provide textile collection management recommendations to the Terengganu State Museum for the purpose of improvement in managing the collection. This is because the management of textile collections should be given attention so that they can be preserved, preserved and displayed to the public and future generations.

Keywords: Management, Textiles, Conservation, Muzium Negeri Terengganu.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan mengenai latar belakang kajian iaitu kajian mengenai Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Selain itu, dalam bab ini juga akan memfokuskan mengenai permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang bagi kajian ini adalah berkenaan koleksi muzium yang tertumpu di Muzium Negeri Terengganu. Menurut Siti Noor Nabila Malik (2018), *International Council Of Museum* (ICOM) menyatakan muzium memainkan peranan dalam menangani isu-isu berkaitan *traumatic* secara aman dan seterusnya sambil berkongsi pengetahuan mengenai masa lalu dan memberi makna bagi membantu kita untuk memahami dunia hari ini yang berasaskan kepada sains dan teknologi. Muzium juga merupakan sebuah institusi untuk mengajar nilai sejagat dan muzium juga bersifat tetap iaitu tidak mencari sebarang keuntungan dengan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan juga perkembangannya.

International Council Of Museum (ICOM) juga menyatakan muzium yang diwujudkan pada tahun 1946 ialah merupakan satu organisasi muzium yang professional. Muzium juga berperanan dalam mempromosikan dan melindungi warisan alam, budaya semula jadi, warisan ketara dan tidak ketara juga turut disimpan di dalam sesebuah muzium. Terdapat lebih 35,000 ahli di dalam 135 buah negara rangkaian

ICOM yang terdiri daripada muzium yang professional dan juga terdapat pelbagai muzium yang berkaitan dengan perlindungan bagi sesebuah warisan (Siti Noor Nabila Malik, 2018).

Institusi permuziuman yang terdapat Malaysia pada mulanya diperkenalkan oleh British apabila Muzium Perak yang terletak di Taiping dibina pada tahun 1883. Idea penubuhan muzium tersebut disuarakan oleh Residen British Perak pada masa itu iaitu Sir Hugh Low telah memberi arahan kepada Leonard Wray Junior (Peacock, B. A. V., 1955), iaitu merupakan seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut bagi memperoleh segala bahan mengenai sejarah, geologi, etnologi, botani, zoologi dan sosio-ekonomi. Seterusnya, Muzium Sarawak telah dibina di Kuching pada tahun 1888 oleh raja Sarawak kedua iaitu Sir Charles Brooke dan pada tahun 1907 diikuti oleh pembinaan Muzium Selangor. Walau bagaimanapun, pada tahun 1945 bangunan Muzium Selangor hampir mengalami kemusnahan akibat daripada terkena ledakan bom oleh Tentera Bersekutu. Setelah Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan, Muzium Negara telah dibangunkan pada atas tapak yang sama dan perasmian penubuhannya adalah pada 31 Ogos 1963 (Nor Hanisah Ahmad)

Budaya muzium ini asasnya adalah dari Eropah iaitu pada abad ke-18 dan 19 oleh penganut dan pengamal Falsafah *Renaissance*. Era ini telah dikenali sebagai zaman terkumpulnya segala bentuk data berkaitan masyarakat tanah jajahan yang merupakan bahan penting bagi muzium etnografi dan juga alam semula jadi di barat. Pada awalnya, segala usaha pengumpulan koleksi artifak ini dijalankan oleh golongan bangsawan dan bagi menunjukkan taraf sosial dan prestij mereka, koleksi artifak yang ganjil dan berunsurkan sains dipamerkan kepada orang ramai. Koleksi tersebut telah disimpan dan juga dipamerkan dalam ruang khas yang dikenali sebagai '*Cabinet of Curiosities*'. Apabila pemilik asal bagi sesebuah koleksi telah meninggal dunia, ia

kemudiannya akan diserahkan kepada muzium agar kekal terjaga (Zuraidah Hassan & AB. Samad Kechot, 2015).

Di dalam kajian ini, ia akan memfokuskan terhadap koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Muzium Negeri Terengganu merupakan sebuah muzium yang terbesar di rantau Asia Tenggara. Muzium Negeri Terengganu menempatkan empat buah blok utama dan terdapat juga muzium maritim dan juga lima buah rumah tradisional dan dibina dengan rekaan landskap taman yang sangat menarik, dan mengimbau zaman kegemilangan Negeri Terengganu yang kaya dengan sejarah budaya yang masih kekal sehingga kini. Menurut Portal Rasmi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (2020) Muzium Negeri Terengganu ini terbina di atas tanah berukuran 27 hektar di Bukit Losong, Kuala Terengganu, bangunan ini terserlah dengan senibina yang sangat menarik terinspirasi dari istana lama di Terengganu. Ia juga telah menempatkan sebuah muzium utama, muzium perikanan, muzium maritim, empat buah rumah tradisional, dan juga taman botani serta taman ulam. Pada Muzium utama terdapat galeri yang mempamerkan tekstil, teknik anyaman, seni islam, perkembangan petroleum senjata tradisional, dan banyak lagi. Muzium Negeri Terengganu telah dirasmikan oleh Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 20 April 1996.

Tekstil yang terdapat di Malaysia memiliki rakaman budaya, sejarah perkembangan yang panjang dan unik dan juga mempunyai kepelbagaian dimensi kewujudannya. Kepelbagaian ini telah menarik perhatian kerana memiliki pelbagai maklumat dan ilmu yang terdapat dalam budaya serta tamadun manusia itu. Secara amnya, manusia telah menggunakan tekstil sebagai pakaian akan tetapi konsep dan juga penggunaan tekstil dalam budaya manusia telah dipelbagaikan iaitu boleh dijadikan sebagai sarung bantal, perhiasan untuk digantung pada dinding, alas meja, beg tangan, dan sebagainya. Proses pembuatannya adalah merangkumi penyulaman, menenun, mengait, merenda, dan meruji benang (menekat) (Rabuyah Brahim, 2011). Kajian ini adalah tertumpu terhadap pengurusan koleksi tekstil yang terdapat di

Muzium Negeri Terengganu. Hal ini kerana tekstil telah mendapat tempat dalam budaya masyarakat Malaysia.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian adalah merupakan masalah ataupun isu yang ada sehinggalah pengkaji ingin menjalankan kajian berkaitan isu tersebut. Menurut John Dewey (2010) berpendapat bahawa permasalahan merupakan salah satu pengaruh yang sangat besar kepada dunia penyelidikan. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang akan dikemukakan dalam kajian ini. Antaranya adalah permasalahan kajian dimana pengkaji mendapati pengurusan koleksi tekstil ini begitu sukar untuk diuruskan. Hal ini demikian kerana pengurusan koleksi tekstil ini perlukan tenaga kerja yang terlatih dalam mengendalikan proses pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi tersebut. Perkara ini turut dinyatakan oleh Rabuyah Ibrahim (2011) mengenai masalah berkaitan pengurusan tekstil.

Selain itu, maklumat berkaitan cara pengurusan tekstil dengan lebih terperinci juga kurang didedahkan kepada pengunjung yang berkunjung untuk mengetahui mengenai koleksi tersebut. Hal ini demikian kerana walaupun terdapat kajian lepas berkaitan dengan pengurusan tekstil yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu oleh Nur Ain Nazihah Hamzah (2018) dengan tajuk kajian beliau iaitu “Pengurusan Koleksi Kain Limar Di Lembaga Muzium Negeri Terengganu”, tetapi kajian yang diperoleh ini tidak memaparkan berkaitan cara pengurusan tekstil dengan lebih terperinci. Oleh itu, secara tidak langsung hal ini akan menyukarkan proses pencarian maklumat serta rujukan berkaitan pengurusan tekstil di muzium tersebut.

Di samping itu, pengkaji juga mendapati kurangnya pendedahan maklumat mengenai pendokumentasian proses konservasi bagi tekstil dari pihak Lembaga Muzium Terengganu. Hal ini demikian kerana semasa pemerhatian awal yang

dilakukan bagi menjalankan kajian tentang pengurusan koleksi tekstil ini, didapati bahawa kurangnya pendedahan maklumat berkaitan pengurusan koleksi tersebut. Pendokumentasian amatlah penting sebagai rujukan dan akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Di dalam kajian ini, beberapa persoalan telah dinyatakan bagi mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian. Beberapa persoalan kajian yang telah diusulkan iaitu:

1. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi untuk tekstil warisan yang digunapakai di Muzium Negeri Terengganu?
2. Apakah kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu?
3. Apakah proses konservasi koleksi bagi tekstil warisan di Muzium Negeri Terengganu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai matlamat utama dalam kajian ini, sebanyak tiga objektif kajian telah dibentuk. Berikut merupakan antara objektif di dalam kajian ini:

1. Mengenalpasti kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi untuk tekstil warisan yang digunapakai di Muzium Negeri Terengganu.
2. Mengkaji kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu.
3. Mengkaji proses-proses konservasi koleksi bagi tekstil warisan di Muzium Negeri Terengganu.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah satu kajian yang dilaksanakan dengan teliti dan terperinci dalam sesuatu kajian. Skop kajian juga merupakan perkara yang perlu ditetapkan supaya pengkaji dapat mencapai keperluan dan tidak melebihi had batasannya. Skop kajian ini akan tertumpu kepada galeri tekstil yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu yang terletak di Bukit Losong, 20566 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Kajian ini juga akan mengfokuskan kepada kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi di galeri tekstil tersebut. Selain itu, skop kajian ini juga akan mengfokuskan kepada kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Di samping itu, proses-proses konservasi koleksi yang dijalankan bagi koleksi tekstil warisan di Muzium Negeri Terengganu turut menjadi skop kajian.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian di dalam Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu akan membawa kepentingan kepada ramai seperti kepada individu, masyarakat dan juga institusi pendidikan.

i. Individu

Kajian yang akan dijalankan ini akan membawa kepentingan kepada individu. Dengan adanya kajian seperti ini akan membantu individu tertentu dalam mencari maklumat berkaitan dengan koleksi tekstil ini. Kajian ini juga akan dapat memberi inspirasi kepada individu bagi mengkaji mengenai koleksi tekstil dengan lebih mendalam di Malaysia.

ii. Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dapat memberi kesedaran dan inspirasi kepada masyarakat pada hari ini. Hal ini adalah kerana

masyarakat akan lebih menghargai mengenai kepentingan dan keistimewaan koleksi tekstil kepada negara.

iii. Institusi Pendidikan

Kajian yang dijalankan juga akan memberi kepentingan kepada institusi pendidikan. Kajian berkaitan pengurusan koleksi tekstil ini boleh dijadikan sebagai panduan atau rujukan kepada institusi pendidikan tinggi dalam proses pembelajaran mereka.

1.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab 1 ini, telah menjelaskan secara keseluruhan berkaitan kajian yang ingin dilakukan iaitu Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Selain itu, objektif kajian dirangka adalah untuk mencapai matlamat yang utama di dalam sesebuah kajian dan permasalahan yang terdapat dalam penyelidikan ini bagi membangkitkan isu bagi menjalankan kajian ini. Di dalam kajian ini juga mengandungi permasalahan persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian yang dijalankan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan mendedahkan mengenai sorotan kajian lepas dan merupakan bab yang penting untuk rujukan atau panduan utama kajian tentang pengurusan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Bab ini merupakan rujukan mengenai kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilaksanakan. Melalui rujukan terdahulu, pengkaji mampu membina idea baru dalam kajian yang akan dilakukan sebagai proses penambahbaikan. Di dalam bab ini, juga akan mengupas tentang koleksi, pengurusan koleksi dan kerangka konseptual pengurusan koleksi.

2.1 DEFINISI ISTILAH

2.1.1 Tekstil

Tekstil adalah merupakan bahan fleksibel yang telah diperbuat daripada tenunan benang. Tekstil telah dibentuk melalui kaedah penyulaman, pengikatan, penjahitan, dan kaedah *pressing*. Istilah tekstil sering kali diberi persamaan dengan istilah kain. Namun terdapat kelainan di antara dua istilah ini iaitu tekstil dapat digunakan untuk menyebut bahan apapun dalam yang diperbuat daripada tenunan benang, manakala kain adalah hasil jadinya yang sudah boleh digunakan terus (Nur Fatin, 2015).

2.1.2 Pengurusan Koleksi

Pengurusan koleksi menurut Anne Fahy (1995), *“It is blanket term applied to the physical care and documentation of collection. Because it is so abroad, it effectively encompasses a wide range of activities which may at times appear to be disparate”*.

Petikan diatas membawa maksud pengurusan koleksi ini mempunyai jangka masa yang telah ditetapkan dalam penjagaan fizikal dan juga proses pendokumenan sesebuah koleksi. Ia merupakan bahagian yang luas dan meliputi pelbagai aktiviti dan ia juga perlu dibezakan. Pada kebiasannya objektif utamanya adalah bagi menjaga ataupun merawat koleksi dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi mengelakkan daripada koleksi tersebut musnah, dicuri dan kebenaran dalam mendapatkan maklumat (Norsimah Lakassa, 2007).

2.1.3 Muzium

Definisi muzium menurut *International Council Of Museum (ICOM)* iaitu pada mesyuarat agong yang telah diadakan pada tahun 1974 telah menggariskan muzium sebagai salah satu institusi yang bersifat tetap dan tidak mencari sebarang keuntungan dengan memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya. Selain itu, muzium juga bersifat terbuka kepada umum bagi memperoleh, merawat, menghubungkan serta mempamerkan bagi tujuan pembelajaran.

2.1.4 Konservasi

Definisi konservasi menurut Mohamad Shawali Badi (2000), adalah kerja-kerja baik pulih dalam usaha bagi memulihkan semula monument atau tapak bersejarah kepada seni bina dan bahan-bahan binaan yang hampir sama dengan bahan semasa awal pembinaannya (Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot, 2012).

2.2 SEJARAH MUZIUM DI MALAYSIA

2.2.1 Jenis-Jenis Dan Muzium-Muzium Yang Terdapat Di Malaysia

Sejarah permuziuman di Malaysia bermula apabila pemerintah British telah membina Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Setelah itu, diikuti pada tahun 1888 pembinaan Muzium Sarawak di Kuching dan seterusnya pada tahun 1899 pembinaan Muzium Selangor. Selepas penubuhan Muzium Selangor, banyak muzium lain yang turut ditubuhkan di setiap negeri di Malaysia termasuklah negeri Terengganu juga (Peacock, B. A. V, 1955).

Muzium Perak dan Muzium Selangor telah digabungkan di bawah satu pemerintahan yang sama Pada tahun 1910. Setelah itu, pada tahun 1932, kedua-dua muzium ini telah dipisahkan dan diletakkan di bawah pentadbiran negeri masing-masing. Pada tahun 1945, iaitu semasa berakhirnya Perang Dunia Kedua, Muzium Selangor hampir musnah akibat daripada terkena ledakan bom yang telah digugurkan oleh kapal terbang tentera Bersekutu dan setelah negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara telah dibina di atas tapak yang sama dan telah dirasmikan pada 31 Ogos 1963 (Amira Najihah, 2018).

2.2.2 Muzium Negeri Terengganu

Muzium Negeri Terengganu ditubuhkan setelah berlakunya peristiwa penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu oleh Sayyid Hussein Ghulam Al Bukhari pada tahun 1909. Oleh kerana tiada tempat yang sesuai untuk menyimpan artifak ini, menyebabkan ia terpaksa dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain. Hal ini menyebabkan kerajaan mula menyedari bahawa negeri ini memerlukan sebuah tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat penyimpanan bahan warisan yang lain. Namun begitu, ia hanya sekadar impian yang gagal dilaksanakan (Nur Ain Nazihah Hamzah, 2018).

Kegagalan tersebut memaksa Al Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah iaitu merupakan Sultan Terengganu ke-13 pada masa itu memperkenankan permohonan Penasihat British agar Batu Bersurat dipinjamkan ke Muzium Gambar Raffles, Singapura pada tahun 1923. Hal ini bertujuan untuk melindungi dan menjaga keselamatan artifak itu. Walau bagaimanapun, dalam kandungan surat permohonan tersebut turut menjelaskan bahawa artifak tersebut dapat dikembalikan setelah Negeri Terengganu mempunyai sebuah muzium atau tempat yang sesuai untuk menyimpan Batu Bersurat tersebut (Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 2017).

Pada awal penubuhan muzium ini, ia hanya menumpang di suatu sudut di Pejabat Tengah dan sejak itu, aktiviti pengumpulan dan juga penyelidikan terhadap koleksi telah dilakukan. Pada tahun 1980, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan bagi pembinaan Kompleks Muzium yang baru. Oleh itu, pihak *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO) telah menyarankan agar pembinaan tersebut dibuat di Kampung Bukit Losong oleh kerana kawasan tersebut mempunyai tanaman semulajadi, lapang dan terbuka serta mempunyai ruang yang mencukupi (Nur Ain Nazihah Hamzah, 2018).

2.3 PENGURUSAN KOLEKSI

Pengurusan koleksi adalah salah satu teknik ataupun cara yang dijalankan oleh pihak pengurusan permuziuman dalam mengendalikan dan juga menguruskan koleksi yang terdapat di dalam sesebuah muzium. Salah satu bahan rujukan yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak oleh Norsimah Lakassa (2007). Berdasarkan thesis tersebut maklumat yang diperoleh adalah seperti pandangan berkaitan definisi pengurusan koleksi dan disampaikan urusan pengurusan koleksi bagi muzium di Sarawak. Dalam kajian ini, beliau mendefinisikan pengurusan koleksi dilakukan adalah untuk menjaga koleksi daripada

berlakunya kemusnahan, dan dicuri. Oleh itu, bagi mengelakkan berlakunya perkara tersebut, pihak muzium sewajarnya menjalankan pengurusan koleksi yang meliputi jangka masa yang telah ditetapkan dalam penjagaan fizikal dan pendokumentasi koleksi. Secara amnya, pengurusan koleksi lebih kepada mendokumentasikan koleksi, polisi perolehan dan pelupusan koleksi, penyelidikan dan pengumpulan, kerja lapangan, keselamatan dan risiko setiap koleksi serta pemeliharaan dan pemuliharaan. Panduan bagi penyediaan polisi pengurusan koleksi adalah pertama sekali, adalah pengenalan kepada polisi tersebut. Proses seterusnya adalah lebih kepada mendefinisikan perkara-perkara yang perlu tercatat dalam polisi tersebut. Seterusnya, apabila semua telah selesai dan akhirnya proses bagi menyediakan polisi tersebut boleh diteruskan. Polisi ini dapat menjadi panduan kepada pengkaji untuk menerangkan secara terperinci berkaitan pengurusan koleksi dan polisi yang berkaitan dengannya (Anne Fahy, 1995).

Selain itu, menurut Ambrose, T. (1993) terdapat beberapa maklumat penting yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan koleksi iaitu polisi perolehan dan pelupusan, pengumpulan dan penyelidikan, kerja lapangan, pembelian dan pinjaman, sumbangan, pendokumentasi koleksi, pemeliharaan dan keselamatan dan risiko. Aspek-aspek yang terkandung dalam polisi perolehan adalah seperti tujuan dan objektif muzium, penjadualan polisi, prosedur perolehan, peraturan am, untuk pengumpulan mengikut sekatan undang-undang, termasuklah pinjaman serta kawasan pengumpulan.

Seterusnya kajian juga telah merujuk kepada bahan ilmiah lain iaitu buku yang bertajuk *Managing Conservation In Museum* karya Suzanne Keene (1996). Sir David Wilson berpendapat buku ini menerangkan mengenai muzium yang tidak menjalankan sebarang prosedur koleksi akan dianggap sebagai *dead museum* atau pun muzium yang mati. Hal ini kerana muzium tersebut tidak mempunyai nilai pendidikan yang tinggi serta tidak memberi ganjaran ilmu kepada setiap pengunjungnya.

Di samping itu, Pengurusan Koleksi Muzium Di Jabatan Muzium Negeri Sarawak karya Osman Bin Senawi (2011) juga dijadikan sebagai rujukan. Kajian mendapati, kajian lepas daripada thesis ini telah mendedahkan perkara penting dalam pengurusan koleksi iaitu daripada aspek pengenalan pengurusan koleksi dan polisi dalam pengurusan koleksi. Thesis ini juga lebih mengfokuskan bagaimana pengurusan koleksi itu dilakukan berdasarkan polisi yang ditetapkan tanpa menyantuh langsung berkaitan pengurusan koleksi secara manual atau digital.


Bagi sesebuah muzium, koleksi yang terdapat di muzium tersebut diperoleh melalui pelbagai cara iaitu hadiah atau wakaf, penyelidikan di lapangan, pembelian, wasiat dari individu tertentu, keluarga atau pertubuhan yang telah menamakan institusi muzium tertentu sebagai pengamanah koleksi-koleksi tertentu. Bagi muzium yang tidak mempunyai koleksi tidak akan digelar muzium. Walaupun begitu, muzium juga memiliki pelbagai koleksi lain khususnya warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi (Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot, 2012).

Terdapat pelbagai kaedah yang telah digunakan oleh institusi muzium dalam mendapatkan koleksi atau artifak bagi dipamerkan iaitu:

- a) Pinjaman
- b) Hadiah / Derma
- c) Pembelian
- d) Wasiat
- e) Sumber-sumber lain

2.3.1 Pinjaman

Proses pinjaman pada kebiasaanya diperoleh melalui orang perseorangan, organisasi atau institusi awam dan swasta. Proses pinjaman ini dijalankan adalah bagi menjalankan pameran dan tempoh pinjaman merupakan tempoh masa yang singkat dan akan melalui beberapa prosedur. Prosedur ini boleh dilihat berdasarkan Rajah 2.1. secara ringkasnya, proses pinjaman ini bermula apabila sesebuah pameran yang dijalankan memerlukan koleksi atau artifak yang tiada dalam simpanan mereka dan berakhir dengan mengembalikannya semula kepada pemilik asal dan setiap peminjam akan diberikan sijil penghargaan.




Rajah 2.1 : Carta Aliran Perolehan Secara Pinjaman

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot , 2012

2.3.2 Hadiah / Derma

Proses pemberian melalui hadiah atau derma juga merupakan salah satu cara perolehan koleksi. Pemberian koleksi secara hadiah atau derma ini adalah daripada hadiah orang perseorangan, hadia dari organisasi/institusi awam dan swasta, hadiah dari pembekal dan juga dari masyarakat yang kurang pengetahuan dan kesedaran mengenai warisan. Proses tersebut boleh dilihat di dalam Rajah 2.2.



Rajah 2.2 : Carta Aliran Perolehan Melalui Hadiah / Derma

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad


Kechot , 2012



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

2.3.3 Pembelian

Proses pembelian merupakan proses yang menjadi kebiasaan bagi muzium bagi mendapatkan koleksi. Pembelian juga terdapat proses dan juga prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan. Carta aliran bagi proses ini boleh dirujuk melalui Rajah 2.3 Koleksi yang telah dikenal pasti masih belum boleh dibeli. Hal ini demikian kerana setiap koleksi yang dibeli seharusnya dinilai dari segi kepentingannya terlebih dahulu.




Rajah 2.3 : Carta Aliran Perolehan Secara Pembelian

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot , 2012

2.3.4 Wasiat

Objek-objek yang telah diserahkan oleh waris si mati ke institusi muzium bagi menunaikan pesanan individu sama ada secara lisan mahupun bertulis sebelum meninggal dunia dengan bersyarat mahupun tanpa syarat (Arkib Negara Malaysia 2003). Aliran proses ini boleh dilihat dalam Rajah 2.4




Rajah 2.4 : Carta Aliran Perolehan Secara Wasiat

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot , 2012

2.3.5 Sumber-sumber Lain

Perolehan koleksi melalui sumber lain adalah dari sumber jumpaan, sumber cari arkeologi dan juga dari pengumpulan specimen alam semula jadi. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan koleksi dari sumber-sumber lain adalah seperti yang terdapat pada Rajah 2.5.



Rajah 2.5 : Carta Aliran Perolehan Melalui Sumber lain-lain

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot , 2012

2.4 PROSES KONSERVASI

Artifak atau koleksi yang diperoleh bagi sesebuah muzium perlulah melakuakan proses konservasi bergantung kepada tahap kerosakannya. Konservasi ini akan melibatkan semua jenis koleksi artifak mahupun koleksi yang bersifat organik dan bukan organik bertujuan memanjangkan jangka hayatnya. Artifak atau koleksi yang sedang dipamerkan juga akan dibersihkan dan dipantau bagi melindungi daripada ancaman persekitaran. Pemilihan bahan yang akan digunakan bagi membaiki dan memulihara artifak juga perlu diberi perhatian agar ia tidak menambah kerosakan sedia ada. Jangka masa proses konservasi artifak tidak ditetapkan, hal ini kerana kerosakan yang pelbagai memerlukan perhatian dan kaedah yang berbeza (Universiti Teknologi Malaysia, 2017).


Terdapat pelbagai Teknik, kaedah, metodologi dengan pelbagai jenis prosedur, proses mahupun aplikasi yang telah diperkenalkan dan diperaktikkan di seluruh dunia yang mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi melindungi, memelihara, merawat dalam tujuan untuk mengembalikan warisan sejarah dan kebudayaan (Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot, 2012). Menurut O.P Agrawal (1977), konservasi adalah merupakan proses penting dalam semua aktiviti permuziuman. Sebelum mempamerkan koleksi atau artifak kepada umum, koleksi tersebut haruslah dibaiki, diproses dan dipelihara terlebih dahulu. Bagi setiap artifak atau koleksi yang akan dipamerkan akan menjalani proses tertentu sebelum ia dipamerkan untuk tatapan pengunjung. Hal ini kerana bagi memastikan artifak tersebut tahan lebih lama dan dalam keadaan baik. Para kurator mempunyai teknik yang tersendiri bagi merawat kerosakan koleksi.

Dalam perawatan koleksi, kurator akan menggunakan pendekatan 'menghormati' artifak kerana setiap satunya dikatakan mempunyai 'nyawa' tersendiri. Bahan kimia yang akan digunakan bagi tujuan pembersihan seharusnya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan bagi menjaga kualiti barangan tersebut. setiap

muzium yang mempamerkan atifak juga seharusnya mengikut standart protocol yang telah disediakan bagi memelihara artifak tersebut dan jangka hayat artifak ini akan tahan lebih lama. Oleh itu, suhu, penata cahaya, serta serangan dari serangga perosak perlu sentiasa dipantau dengan teliti terutamanya melibatkan artifak yang diperbuat daripada fabrik dan kayu (Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot, 2012).



Proses Pemuliharaan yang akan digunakan adalah seperti Rajah 2.4:



Rajah 2.6 : Carta Aliran Proses Pemuliharaan

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot, 2012

2.5 KONSEPTUAL

Kerangka konseptual merupakan satu bentuk kerangka konsep yang akan menjelaskan secara ringkas mengenai bentuk kajian, format kajian, hala tuju kajian dan peringkat-peringkat atau fasa-fasa dalam kajian. Kerangka konseptual juga boleh boleh berasaskan teori yang sedia ada ataupun dibentuk sendiri berdasarkan kajian-kajian lepas. Kerangka konsep ini lebih bersifat tentative dan belum dibangunkan secara sepenuhnya berbanding kerangka teori (Norwood, 2000:78). Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada sesuatu teori yang masih belum diuji. Bagi memperjelaskan lagi perkara ini, kerangka konsep merupakan kerangka yang akan menunjukkan hubungan sebab atau kesan di antara variabel tidak sandar (independent) dan juga variabel bersandar (dependent) yang pada kebiasannya ditunjukkan dalam sebuah rajah atau grafik (Airen Ahmad, 2017).

Dalam kajian ini, konsep yang akan digunakan adalah dengan menggunakan pendekatan konsep pengurusan koleksi yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012) sebuah koleksi bagi sesebuah muzium diperoleh melalui pelbagai cara seperti penyelidikan di lapangan, pembelian, hadiah atau wakaf, wasiat dari individu tertentu, keluarga atau pertubuhan yang menamakan muzium dan agensi-agensi yang berkaitan bagi pengamanahan objek-objek tertentu. Koleksi atau artifak yang dikumpul perlu selaras dengan dasar perolehan yang telah digariskan agar ia memenuhi visi, misi, dan objektif bagi sesebuah institusi. Setiap muzium juga seharusnya memiliki dasar bertulis berkaitan koleksi yang sah ataupun diluluskan oleh kuasa tertinggi terhadap muzium. Dasar ini juga seharusnya disemak secara berperingkat dan dipengaruhi sekiranya perlu dan bersesuaian mengikut keperluan semasa. Antara perkara yang terkandung dalam dasar ini adalah kaedah atau cara perolehan, penjagaan (perlindungan keselamatan, pengurusan dan penstoran), pegawai yang bertanggungjawab, pengurusan konservasi/restorasi, dokumentasi mengikut jenis,


kategori dan klasifikasi, dan penjagaan koleksi specimen hidup (haiwan atau tumbuh-tumbuhan), objek yang berkaitan dengan ritual keagamaan dan mayat manusia dan koleksi milik persendirian.




UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



Rajah 2.7 : Carta Aliran Pengurusan Koleksi

Sumber : Unit Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia, Zuraidah Hassan & Ab. Samad

Kechot, 2012

2.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini merangkumkan beberapa tinjauan pengkajian lepas yang telah dijalankan bagi membantu di dalam oenyelidikan ini. Sehubungan itu, input-input yang diperoleh daripada sumber ini dapat dijadikan panduan penerokaan dalam skop penulisan pengkaji. Di dalam bab ini juga mempunyai definisi dan kaedah atau konsepnya tersendiri dalam mencapai objektif kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.



BAB 3

METODOLOGI

3.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan secara keseluruhan berkaitan metodologi kajian yang akan digunakan bagi melaksanakan kajian ini. Bab ini juga merangkumi pendekatan kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data, persempelan, instrument kajian, analisis data dan juga kesimpulan. Menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian adalah kaedah dan Teknik mereke-bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi juga dapat menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan juga Teknik tertentu digunakan. Bab ini juga akan menyentuh berkaitan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji berkaitan cara memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian ini iaitu Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah pendekatan kajian kes. Kajian kes merupakan kajian yang dilaksanakan disebabkan oleh peristiwa, aktiviti dan masalah yang menggambarkan keadaan sebenar ataupun seperti yang dibayangkan dan termasuklah masalah yang akan dihadapi oleh seseorang di tempat kerja atau di satu keadaan yang dilalui oleh penyelidik. Kajian kes ini digunakan adalah bertujuan bagi membantu penyelidik melihat bagaimana keupayaan kehidupan sebenar mempengaruhi sesuatu keputusan dan ia juga berupaya menyokong siasatan lebih terperinci untuk setiap kes. Kebiasaannya,

penyelidik menggunakan kes pelbagai bukti yang diperolehi daripada sumber-sumber yang berbeza seperti dokumen, artifak, temu bual, pemerhatian dan juga daripada pelbagai sumber bukti yang diperolehi dalam kajian-kajian lepas. Kebiasaannya, ia telah menggunakan pelbagai sumber data termasuk dua atau beberapa sumber seperti pemerhatian langsung terperinci, temu bual dan dokumen. Oleh itu, aspek penting adalah terdiri daripada kaedah pendokumenan gambaran melalui kaedah pemerhatian, dan mengadakan temubual bersama responden.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian berfungsi sebagai garis panduan dalam membantu pengkaji dalam proses memungut, menganalisis dan menjalankan pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dilakukan. Rekabentuk kajian juga telah menjadi model bagi membolehkan penyelidik itu membuat rujukan berkaitan pemboleh ubah yang telah dikaji. Rekabentuk kajian ini diperlukan adalah sebagai satu cara bagi melaksanakan penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam menjawab persoalan dan objektif kajian.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah prosedur penyelidikan yang akan menghasilkan data yang berupa gambaran yang boleh dilihat dengan jelas (Lexy, 2007), tradisi tertentu dalam ilmu pengetahuan sosial iaitu secara fundamentalnya telah bergantung kepada penghayatan manusia dalam kawasannya yang tersendiri dan juga berkaitan dengan orang-orang tersebut dalam bahasa dan istilahnya (Kirl & Miller, 1986).

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang telah menggunakan maklumat atau data yang bersifat kuantitatif. Data kuantitatif boleh diukur iaitu melalui proses pengukuran dan memerlukan alat-alat pengukuran iaitu melalui soal selidik dan ujian (Azwita Usman, 2010).

3.2.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran merupakan kaedah yang akan mengabungkan data kuantitatif dan juga data kualitatif. Menurut Creswell dan Plano Clark (2007), kajian campuran adalah merupakan satu prosedur pengumpulan data, analisis dan juga merupakan gabungan antara kajian kualitatif dan juga kajian kuantitatif dan metodologi dalam satu kajian bagi memahami dan juga menjawab persoalan kajian.

3.2.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian

Kaedah kajian yang akan digunakan daripada ketiga-tiga kaedah kajian yang telah diterangkan adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini dipilih adalah kerana kajian yang dilakukan ini adalah lebih kepada pengurusan koleksi sesebuah galeri. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah dengan berinteraksi dengan subjek kajian iaitu kaedah yang telah digunakan adalah pemerhatian ke kawasan kajian dan juga dengan mengadakan temubual bersama dengan kakitangan muzium.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data merupakan satu proses di mana dan bagaimana sesebuah data itu dikumpul, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlaku, merekod, memilih, mengumpul, mengasing data dan memahami bila ia akan

digunakan (Diyana, 2015). Kaedah ini merupakan aspek penting dalam melaksanakan kajian kerana ia merupakan satu strategi atau cara yang digunakan oleh semua pengkaji. Pengumpulan data ini terbahagi pada dua iaitu data primer dan juga data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Data primer adalah data asal yang telah dikumpul secara khusus bagi menjawab persoalan kajian. Data primer merupakan sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan kepada umum seperti temu bual, pemerhatian, dan soal selidik (Vicky,2011).

i) Temubual

Temubual merupakan kaedah pengumpulan data yang akan melibatkan interaksi bersemuka antara penyelidik dengan responden. Temubual ini juga merupakan salah satu kaedah terbaik bagi mendapatkan maklumat daripada informan secara mendalam.

ii) Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah yang dilakukan oleh penyelidik dalam mendapatkan data kajian dengan cara mengamati dan memerhati subjek kajian. Kajian pemerhatian ini terdiri daripada dua kaedah iaitu pemerhatian turut serta serta pemerhatian tidak turut serta dan jenis pemerhatian yang digunakan adalah pemerhatian turut serta. Dalam pemerhatian turut serta, penyelidik akan melibatkan diri secara langsung dalam suasana kajian tersebut. penyelidik akan berinteraksi dengan ahli-ahli lain yang menjadi sampel dalam kajian tersebut untuk mengumpul data kajian daripada mereka.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder pula adalah sumber yang mempunyai perantaraan di antara keadaan dan pengalaman yang dikaji. Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain seperti maklumat daripada perpustakaan, buku dan juga laman sesawang.

i) Perpustakaan

Kaedah perpustakaan adalah merupakan kaedah dengan mendapatkan maklumat yang diperlukan dan tidak diperoleh daripada kajian lapangan yang dijalankan akan diperoleh dari perpustakaan.


ii) Buku

Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku ilmiah yang mengandungi maklumat tambahan bagi memenuhi maklumat yang diperlukan pengkaji seperti dengan merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

iii) Internet

Internet merupakan kaedah tambahan dalam data sekunder dengan cara melayari laman web rasmi dan tidak rasmi. Pada kebiasaannya pengkaji sering melayari laman laman web bagi mencari lokasi kajian dan bagi mendapatkan peta lokasi kajian.

3.3.3 Proses Kajian



Rajah 3.1 : Proses Kajian

Sumber : Pengkaji, 2020

3.4 PERSEMPELAN

Persempelean menurut Mohd.Majid Konting (1998), adalah sampel yang akan dipilih sekurang-kurangnya memiliki sifat yang sama dengan populasi di dalam sesebuah penyelidikan. Responden yang akan ditemu bual merupakan subjek yang akan dirujuk bagi memenuhi data kajian berkaitan pengurusan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Individu yang telah dipilih adalah merupakan kumpulan focus atau subjek yang akan menjawab soalan berkaitan menerusi temubual.

3.5 INSTRUMENT KAJIAN

Instrument adalah merupakan peralatan mahupun cara yang digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menjawab objektif kajian. Pada kebiasaannya, ia digunakan bagi melaksanakan temubual, kajian lapangan dan pemerhatian sepanjang kajian dijalankan. Antara alatan instrument yang digunakan adalah video yang akan digunakan oleh pengkaji untuk merakam responden semasa sesi soal jawab dijalankan. Hal ini adalah bagi memudahkan pengkaji untuk menyemak semula data yang diperoleh semasa sesi soal jawab dijalankan. Selain itu, ialah perakam suara yang digunakan sebagai satu alat bagi merakam suara semasa sesi temubual dijalankan. Di samping itu, alatan instrument lain yang digunakan oleh pengkaji adalah kamera yang berfungsi sebagai alat untuk mengambil gambar yang diperlukan semasa sesi pemerhatian dijalankan.

3.6 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan. Menurut Taylor (1975), analisis data ialah proses yang

menerangkan secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis seperti yang disarankan dan juga sebagai usaha untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis. Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan juga akan dianalisis bagi mendapatkan kesimpulan data.

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih terperinci berkaitan dengan kaedah pengurusan koleksi tekstil yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu. Pengurusan koleksi tekstil ini dapat membantu dalam memastikan koleksi tekstil dapat dijaga dan dipelihara. Proses analisis data yang diperoleh daripada kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dalam merumus berkaitan kajian yang dijalankan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan mengenai proses dapatan kajian, kajian kualitatif dan juga hasil kajian. Kaedah dan juga proses yang telah digunakan oleh pengkaji adalah diperincikan dengan lebih jelas di dalam bab ini. Pengkaji turut mencatat, merekod dan juga telah menganalisis keseluruhan data yang telah dikumpulkan. Setiap data yang terkumpul telah dihuraikan mengikut objektif-objektif kajian oleh pengkaji.

4.1 PROSEDUR DALAM MENJALANKAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kajian kualitatif iaitu data primer. Kaedah kualitatif yang digunakan oleh pengkaji adalah melalui kaedah temubual dan pemerhatian di Muzium Negeri Terengganu. Dalam memperoleh data primer ini, terdapat beberapa peringkat yang perlu dirangka oleh pengkaji terlebih dahulu semasa menjalankan proses penyelidikan ini. Berikut merupakan prosedur yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Prosedur dalam Menjalankan Kajian

Memohon Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

Sebelum menjalankan proses penyelidikan ini, pengkaji perlu memohon surat kebenaran menjalankan kajian. Pengkaji telah memohon surat kebenaran menjalankan kajian daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan. Pengkaji juga telah membuat permohonan dengan menghantar surat kebenaran kepada pihak Lembaga

Muzium Negeri Terengganu untuk menjalankan kajian ini.



Borang Kebenaran Menjalankan Kajian

Pada 8 Julai 2020, pengkaji telah memperoleh surat kebenaran untuk pengkaji menjalankan kajian daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan bagi menjalankan kajian di Muzium Negeri Terengganu. Surat kebenaran untuk pengkaji menjalankan kajian ini merupakan bukti penting yang akan menunjukkan bahawa pengkaji dibenarkan menjalankan kajian di lokasi kajian yang dipilih. Dengan adanya surat kebenaran, maka kebenaran bagi menjalankan kajian dapat dilaksanakan. Tanpa surat kebenaran bagi menjalankan kajian, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian di lokasi kajian.



Mencari Maklumat

Setelah memperoleh surat kebenaran untuk pengkaji menjalankan kajian, pengkaji perlu memperoleh data bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian pengkaji. Pengkaji juga turut mencari maklumat serta data berkaitan informen yang merupakan kakitangan Muzium Negeri Terengganu bagi urusan temubual untuk menjawab segala persoalan yang telah dijalankan oleh pengkaji.



Membuat Temujanji

Pengkaji telah menghantar surat kebenaran bagi memohon kebenaran untuk menjalankan kajian dan temubual melalui platform *email* dengan menghantar melalui alamat *email* webmastermuzium@terengganu.gov.my kepada pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah menghantar

maklum balas dengan menyatakan bahawa pengkaji dibenarkan berkunjung ke Muzium negeri Terengganu setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) memandangkan Negeri Kelantan masih lagi dalam tempoh (PKPB) iaitu selepas tarikh 11 Disember 2020. Pengkaji telah berhubung terus dengan kakitangan muzium iaitu Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman iaitu Ketua Bahagian Etnologi bagi menetapkan temujanji iaitu pada 16 Disember 2020. pengkaji juga telah menemubual Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi) di Muzium Negeri Terengganu.



Menjalankan Temubual

Pengkaji telah menjalankan sesi temubual bersama Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman iaitu Ketua Bahagian Etnologi dan juga Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi) di Muzium Negeri Terengganu. Pengkaji telah menyediakan soalan temubual kepada responden tersebut berkaitan dengan objektif kajian pengkaji. Hasil temubual akan dirumuskan di dalam dapatan kajian.



Hasil Kajian

Hasil daripada temubual bersama pihak Muzium Negeri Terengganu, data akan dikumpul dan dirumuskan dalam bentuk laporan kajian bagi mendapatkan dapatan kajian. Maklumat yang diperolehi hasil daripada proses temubual ini merupakan data primer iaitu data yang diperolehi secara terus daripada informen yang telah ditemubual iaitu daripada Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman iaitu Ketua Bahagian Etnologi dan juga Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi). Hasil yang diperolehi daripada responden akan dirumuskan bagi menjawab objektif kajian pengkaji.

Rajah 4.1 : Prosedur dalam Menjalankan Kajian

Sumber : Pengkaji, 2020

4.2 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah merupakan hasil daripada kajian yang didapati oleh pengkaji mengenai sesuatu kajian (Nor Amirah Rosman, 2013). Dapatan kajian yang telah diperolehi daripada pemerhatian, temubual, dan soal selidik perlu dianalisis bagi memperoleh jawapan kepada objektif kajian (Ustazkenali, 2013). Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis. Hasil kajian ini akan dirungkaikan mengikut objektif-objektif kajian penyelidikan ini.

4.2.1 Objektif 1: Mengenalpasti Kaedah Pelaksanaan Sistem Manual Pengurusan Koleksi untuk Tekstil Warisan yang Digunapakai di Muzium Negeri Terengganu

Objektif ini adalah bagi mengenalpasti kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi tekstil yang masih digunapakai oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Di dalam objektif ini juga akan merungkai mengenai kewajaran pelaksanaan sistem manual dalam pengurusan koleksi tekstil. Dalam objektif satu ini akan menerangkan lebih lanjut mengenai kaedah pelaksanaan sistem manual. Pengkaji telah menjalankan temubual bersama dengan Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman yang merupakan Ketua Bahagian Etnologi di Muzium Negeri Terengganu bagi menjawab persoalan objektif ini.

Bagi sesebuah muzium, pengurusan koleksi merupakan perkara penting yang perlu diambil berat. Pengurusan koleksi ini perlu mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh muzium supaya koleksi yang dimiliki dapat melalui prosedur yang seragam. Hal ini merupakan perkara penting agar pendokumentasian koleksi dapat dijalankan bagi mengelakkan koleksi sukar untuk dicari. Pengurusan koleksi ini terdiri daripada beberapa peringkat iaitu perolehan dan pengurusan koleksi, pendaftaran koleksi, penstoran dan penyimpanan koleksi, dan juga konservasi.

Muzium Negeri Terengganu masih lagi menggunakan sistem pengurusan koleksi secara manual. Menurut Encik Mohd Hafis Bin A. Rahman, Muzium Negeri Terengganu menggunakan sistem manual dalam pengurusan koleksi semenjak daripada bermulanya operasi muzium iaitu pada tahun 1996 sehingga sekarang. Setiap maklumat berkaitan koleksi tekstil ini akan dicatat dan disimpan terus ke dalam komputer.

Walaupun bagaimanapun, Encik Hafis juga menyatakan bahawa Muzium Negeri Terengganu juga sedang dalam proses untuk penambahbaikan sistem

pengurusan inventori di muzium. Satu sistem yang lengkap bagi menggantikan sistem manual itu masih dalam proses untuk dibangunkan sepertimana sistem yang telah digunapakai oleh Muzium Selangor dan juga Muzium Sultan Abu Bakar Johor. Bermula pada tahun 1996, Muzium Negeri Terengganu telah menjalankan sistem inventori sendiri dan merekodnya secara manual kesemua koleksi tekstil yang dimiliki oleh muzium.

Selain itu, kemodenan teknologi yang berkembang pesat pada zaman serba moden ini menyebabkan kebanyakan urusan tidak lagi sesuai untuk dikendalikan secara manual. Hal ini bersesuaian dengan pihak Muzium Negeri Terengganu yang sedang dalam usaha untuk membangunkan satu sistem moden bagi memudahkan pengurusan koleksi. Justeru itu, pada ketika ini pihak muzium dalam proses untuk membangunkan sistem berpusat.

Seterusnya, di dalam sistem itu akan merangkumi pelbagai maklumat berkaitan sesuatu koleksi seperti maklumat berkaitan koleksi yang dipamerkan atau disimpan, pergerakan keluar masuk koleksi ke ruang pameran atau ruang simpanan, proses konservasi koleksi dan sebagainya. Menurut Encik Hafis, tempoh masa bagi sistem pengurusan koleksi yang moden ini siap sepenuhnya berkemungkinan mengambil masa selama satu atau dua tahun. Hal ini demikian kerana kos yang digunakan terlalu tinggi.

Di samping itu, sistem pengurusan bagi kesemua koleksi tekstil yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu adalah sama walaupun jenis material sesebuah koleksi itu berlainan. Setiap koleksi tekstil akan diasingkan mengikut jenis kain seperti kain songket, kain limar, kain pelangi, kain sutera dan sebagainya. Pada ruang simpanan koleksi tekstil ini mempunyai 'QR (*Quick Response*) Code' pada setiap rak yang tersimpan koleksi. Justeru itu perkara ini bagi memudahkan pihak muzium untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu koleksi tersebut.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan sistem manual pengurusan koleksi tekstil masih lagi diterapkan di Muzium Negeri Terengganu. Walaubagaimanapun, pihak muzium telah mengambil langkah terbaik bagi memajukan lagi sistem pengurusan koleksi yang dimiliki oleh muzium dengan sistem pengurusan koleksi yang lebih moden. Justeru itu perkara ini bagi memudahkan lagi urusan pihak muzium sendiri dalam pengurusan koleksi tekstil agar lebih teratur dan memudahkan kerja kakitangan muzium.



Rajah 4.2 : Bersama Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman (Ketua Bahagian Etnologi)

Sumber : Pengkaji, 2020

4.2.2 Objektif 2: Mengkaji Kaedah Pengurusan Penyimpanan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu

Objektif kedua adalah untuk mengkaji kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Di dalam objektif ini akan menerangkan bagaimana pihak muzium menjalankan kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Objektif ini juga akan dibahagikan kepada dua iaitu penerangan berkaitan kaedah pengurusan penyimpanan koleksi di ruang pameran dan juga kaedah pengurusan penyimpanan koleksi di ruang simpanan.

Semasa menjalankan sesi pemerhatian ke Galeri Tekstil di Muzium Negeri Terengganu pada 16 Disember 2020, pengkaji mendapati bahawa di Muzium Negeri Terengganu itu sendiri memiliki pelbagai jenis koleksi tekstil seperti kain songket, kain sutera, kain limar, kain pelangi dan sebagainya. Koleksi tekstil ini merupakan bahan organik dan bahan organik ini merupakan bahan yang sensitif dan memerlukan penjagaan yang rapi. Sifat-sifat tekstil atau kain ini berbeza mengikut jenis tekstil itu sendiri. Sebagai contoh, tekstil sutera ini merupakan sejenis tekstil yang lembut dan pengurusan penyimpanannya memerlukan penjagaan yang sangat rapi.

4.2.2.1 Kaedah Pengurusan Koleksi : Ruang Pameran

Semasa sesi temubual dijalankan Encik Hafis menyatakan bahawa koleksi yang dipamerkan di ruang pameran di Muzium Negeri Terengganu pada bahagian pameran Galeri Tekstil tidak menjangkau sebanyak 30 peratus (%) koleksi tekstil dari keseluruhan koleksi yang dimiliki oleh pihak muzium. Beliau menyatakan bahawa terdapat beribu koleksi tekstil yang dimiliki oleh Muzium Negeri Terengganu seperti kain songket, kain sutera, kain limar, kain pelangi dan sebagainya. Encik Hafis juga menyatakan pihak muzium akan

menjalankan proses penukaran koleksi yang dipamerkan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan oleh pihak muzium itu sendiri, hal ini kerana bagi mengurangkan kerosakan pada koleksi yang dipamerkan. Sebagai contoh, pada tahun 2019 hampir 80 peratus (%) koleksi tekstil telah ditukar kepada koleksi yang baru, akan tetapi koleksi tekstil di ruang pameran tersebut masih lagi menggunakan jenis tekstil yang sama dan hanya koleksi yang berlainan.



Rajah 4.3 : Kain Pelangi

Sumber : Internet

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1712257>, 2020

Selain itu, Encik Hafis juga ada menyatakan kepada pengkaji bahawa walaupun koleksi yang dipamerkan di ruang pameran berbeza jenis koleksi kain, tetapi kaedah pengurusan di ruang pameran masih menerapkan kaedah yang sama disebabkan oleh bahan asas bagi tekstil adalah merupakan bahan organik dan bahan ini merupakan bahan yang sangat sensitif. Oleh hal yang

demikian, pihak muzium telah menggunakan lampu *Light Emitting Diode* (LED) pada setiap ruang pameran yang menempatkan koleksi tekstil. Penggunaan lampu LED ini bagi mengurangkan pencahayaan pada koleksi tekstil. Justeru itu jika pencahayaan di ruang pameran tidak dikawal, perkara akan menyebabkan koleksi mengalami kerosakan akibat daripada suhu yang tinggi.




Rajah 4.4 : Sistem Pencahayaan yang Digunakan di Muzium

Sumber : Internet

<https://www.beautifulerengganu.com>, 2020

Seterusnya, pihak muzium juga menggunakan sistem lampu '*Censore*' di setiap ruang pameran koleksi tekstil. Lampu '*Censore*' itu akan bertindak balas dengan menyala sendiri apabila mengesan susuk manusia dan akan tertutup apabila kita melangkah ke bahagian lain. Penggunaan lampu '*Censore*' tersebut adalah kerana bagi mengelakkan pencahayaan terus-menerus pada koleksi tekstil yang dipamerkan, perkara ini adalah kerana

cahaya daripada lampu menyebabkan haba panas terhasil dan akan menyebabkan tekstur kain akan cepat pudar dan mudah reput. Di dalam ruang pameran tersebut juga turut diletakkan bersama *silica gel* iaitu bertindak sebagai bahan kimia bagi menyerap kelembapan.



Rajah 4.5 : *Silica Gel*


Sumber : Internet

<http://www.agrofleet.com.my/bluegel.html>, 2020

4.2.2.2 Kaedah Pengurusan Koleksi : Ruang Simpanan

Kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu bagi ruang simpanan pula adalah koleksi tekstil akan disusun secara bertingkat pada rak bagi menjimatkan ruang. Koleksi tekstil ini disimpan di ruang simpanan koleksi dengan cara gulungan. Penyimpanan dengan cara gulungan ini adalah dengan menggunakan paip *Polyvinyl Chloride* (PVC) sebagai pemegang atau penguat bagi menampung tekstil. Paip PVC ini akan dialas dengan kain *sateen cotton*. Koleksi tekstil akan digulung bersama dengan kertas *acid-free tissue* supaya kain tidak

bersentuhan sesama kain bagi mengelakkan berlakunya kerosakan. Panjang paip PVC akan melebihi pada bahagian kiri dan kanan bagi memudahkan pengurusan penyimpanan koleksi di dalam ruang simpanan.



Rajah 4.6 : Kain *Sateen Cotton* yang dialas pada Paip *Polyvinyl Chloride (PVC)*

Sumber : Internet

<https://getfabrics.com/fabric/cotton-dense-sateen/>, 2020



Rajah 4.7 : Kertas Acid-Free Tissue

Sumber : Internet

<https://www.paperindex.com/product-details/mf-acid-free-tissue-paper/67249>, 2020

Walaupun koleksi tekstil yang dimiliki oleh pihak muzium mempunyai pelbagai jenis kain, akan tetapi kaedah pengurusan penyimpanan koleksi ini tetap sama. Hal ini kerana koleksi tekstil ini merupakan koleksi yang diperbuat daripada bahan organik dan bahan organik memerlukan penjagaan yang rapi. Oleh itu pihak muzium perlu memainkan peranan dengan sentiasa memantau koleksi tekstil ini sama ada di ruang pameran mahupun ruang simpanan.

4.2.3 Objektif 3: Mengkaji Proses-Proses Konservasi Koleksi bagi Tekstil Warisan di Muzium Negeri Terengganu

Objektif seterusnya iaitu objektif ketiga adalah untuk mengkaji proses-proses konservasi koleksi tekstil warisan di Muzium Negeri Terengganu. Di dalam objektif ini akan menerangkan mengenai proses konservasi tekstil warisan yang dijalankan di Muzium Negeri Terengganu.

Proses konservasi ini terbahagi kepada dua iaitu konservasi kuratif (penyembuhan) dan konservasi preventif (pencegahan). Konservasi kuratif ialah proses pemuliharaan yang meliputi proses pembaikan (restorasi), pengubatan dan pembersihan. Konservasi preventif pula adalah proses pemeliharaan yang meliputi proses pengawetan (preservasi) yang meliputi penghambatan, pencegahan dan perlindungan serta penyimpanan.

Muzium Negeri Terengganu juga ada menjalankan proses konservasi tekstil bagi koleksi tekstil yang terdapat di Galeri Tekstil di muzium. Secara umumnya pihak muzium akan menjalankan proses konservasi mengikut tahap kerosakan yang terdapat pada setiap koleksi tekstil. Sebagai contoh, jika koleksi tersebut mempunyai lubang pada kain, pihak muzium akan menjahit mengikut kaedah konservasi yang ditetapkan. Jika koleksi tersebut tidak mempunyai kerosakan,

konservasi preventif akan dijalankan. Contohnya, bagi menghalang serangga perosak seperti *silverfish* ialah dengan menjalankan proses pembersihan dengan menyapu kain tersebut.

Semasa sesi temubual dijalankan, Encik Hafis menyatakan bahawa pada tahun 2005, pihak muzium telah menjalankan proses konservasi major bagi keseluruhan koleksi tekstil sama ada yang terdapat di ruang pameran mahupun ruang simpanan. Beliau juga menyatakan bahawa tempoh bagi menjalankan proses konservasi ke atas koleksi tekstil bergantung kepada tahap kerosakan yang terdapat pada koleksi tekstil. Langkah pertama yang perlu dijalankan adalah dengan merekod kerosakan sesuatu koleksi iaitu merekod sebelum, semasa dan selepas proses konservasi dan memberi cadangan bagi pemuliharaan mahupun pemeliharaan. Jika koleksi tersebut mengalami kerosakan, konservator tidak boleh menjahit bahagian yang mengalami kerosakan itu sebarang. Konservator perlu menerapkan teknik yang telah ditetapkan bagi menjalankan proses konservasi.

Selain itu, seperti yang dimaklumkan oleh Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi) menyatakan bahawa bahan organik merupakan bahan yang sensitif pada persekitaran, kelembapan dan juga pencahayaan. Menurut Encik Arif, perkara utama yang perlu dilakukan dalam proses konservasi adalah merekod sama ada sebelum, semasa dan selepas. Setiap proses perlu bermula dari bahagian pendaftaran, hal ini kerana kesemua maklumat berkaitan koleksi terletak pada bahagian pendaftaran. Beliau juga menyatakan setiap koleksi yang menjalankan proses konservasi mempunyai tujuan untuk di baik pulih iaitu salah satu tujuan utama adalah sebagai bahan pameran. Sebelum dipamerkan setiap koleksi akan menjalankan proses penilaian terlebih dahulu untuk menilai kondisi dari segi semasa koleksi tersebut dan jika berlaku apa-apa kerosakan, konservator akan menjalankan proses

konservasi. Konservator haruslah mengisi borang permohonan terlebih dahulu bagi menjalankan proses konservasi.

Seterusnya, Encik Arif juga menyatakan bahawa kaedah konservasi yang digunakan bagi setiap koleksi tekstil adalah sama walaupun berbeza bahan *material* kain. Sebagai contoh, jika ada kerosakan seperti terdapat lubang pada kain sutera, konservator akan menampal lubang tersebut dengan menggunakan bahan yang sama. Tetapi jika bahan tersebut sukar untuk didapati, konservator akan menggunakan kain *cotton* yang mempunyai warna yang sama dengan kain asal dan benang yang digunakan adalah benang *cotton*.



Rajah 4.8 : Penampalan Lubang pada Kain

Sumber : Pengkaji, 2020



Rajah 4.9 : Jenis jahitan yang digunakan bagi Proses Konservasi

Sumber : Pengkaji, 2020

Di samping itu, tempoh masa bagi proses konservasi bagi sehelai kain bagi koleksi tekstil yang memiliki kerosakan major mengambil masa hampir lima bulan jika konservator hanya menumpukan perhatian hanya pada koleksi tersebut sahaja. Manakala bagi proses pembersihan hanya mengambil masa sehari bagi membersihkan kain tersebut. Encik Arif juga menyatakan bahawa Muzium Negeri Terengganu sendiri mempunyai sasaran tahunan iaitu menetapkan dua helai kain untuk proses rawatan dalam jangka masa setahun. Perkara ini adalah kerana konservator tidak hanya mengkhususkan kerja dalam proses konservasi tekstil semata-mata, tetapi juga pada koleksi lain.

Setiap jahitan yang digunakan bergantung kepada jenis kerosakan yang terdapat pada kain. Hal ini tekah disokong oleh Encik Arif selaku ketua bahagian

konservasi koleksi di Muzium Negeri Terengganu. Selepas proses konservasi dijalankan, koleksi yang perlu dipamerkan akan terus diletakkan di ruang pameran manakala koleksi yang disimpan akan terus disimpan dengan cara menggulung kain tersebut pada paip PVC yang telah dialas dengan kain *sateen cotton*.



Rajah 4.10 : Paip PVC yang dialas dengan menggunakan Kain Sateen Cotton

Sumber : Pengkaji, 2020



Rajah 4.11 : Kain yang digulung bersama Kertas Acid-Free Tissue

Sumber : Pengkaji, 2020



Rajah 4.12 : Bersama Encik Mohd Arif Bin Abd Razak iaitu Pembantu Muzium Kanan
(Ketua Bahagian Konservasi Koleksi)

Sumber : Pengkaji, 2020

4.3 KEBERKAITAN KAJIAN DAN KONSEPTUAL

Pendekatan konsep yang digunakan di dalam kajian ini adalah konsep pengurusan koleksi yang dikeluarkan oleh Unit pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia. Menurut Zuraidah Hassan & Ab. Samad Kechot (2012), koleksi atau artifak yang terkumpul harus diselaraskan dengan dasar perolehan yang telah digariskan agar ia dapat memenuhi visi, misi dan objektif bagi sesebuah institusi muzium. Muzium juga perlu memiliki dasar bertulis berkaitan koleksi yang sah mahupun yang telah diluluskan oleh kuasa tertinggi muzium. Antara perkara yang terkandung dalam dasar ini adalah kaedah atau cara perolehan penjagaan (perlindungan keselamatan, pengurusan dan

penstoran), pegawai yang bertanggungjawab, pengurusan konservasi/restorasi, dokumentasi mengikut jenis, kategori dan klasifikasi, dan penjagaan koleksi specimen hidup (haiwan atau tumbuh-tumbuhan), objek yang berkaitan dengan ritual keagamaan dan mayat manusia dan koleksi milik persendirian.

Pengkaji telah menggunakan konsep ini di dalam kajian ini adalah kerana terdapat beberapa perkara yang berkaitan antara kajian ini dengan konsep yang telah digunakan. Seperti yang sedia maklum, setiap muzium akan mempunyai kaedah pelaksanaan sistem pengurusan penyimpanan koleksi. Muzium Negeri Terengganu juga mempunyai kaedah pelaksanaan sistem pengurusan penyimpanan koleksi sama seperti muzium lain. Setiap kaedah pengurusan perlu dipatuhi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Selain itu, proses konservasi yang dijalankan oleh pihak Muzium Negeri Terengganu juga perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh kuasa tertinggi muzium. Bermula dari menerima arahan untuk mendaftarkan artifak sehinggalah menghantar ke stor transit untuk pemuliharaan. Kesemua prosedur pengurusan koleksi itu harus mengikut urutan tanpa melangkaui langkah yang telah ditetapkan.


4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Di dalam bab ini juga pengkaji telah merungkai objektif kajian pengkaji dengan hasil dapatan kajian daripada temubual bersama responden. Objektif yang telah dirungkai oleh pengkaji adalah berkaitan dengan kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi untuk koleksi tekstil yang masih lagi digunakan oleh Muzium Negeri Terengganu. Seterusnya adalah merungkai mengenai kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu iaitu pengurusan di ruang pameran mahupun pengurusan simpanan di ruang simpanan.


Selain itu, pengkajiturut menerangkan proses-peroses konservasi koleksi bagi tekstil di Mzuzim Negeri Terengganu. Hasil temubual yang telah diperoleh daripada responden ini dapat dijadikan bahan dalam penghasilan kajian penulisan pengkaji.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini akan menjelaskan mengenai cadangan dan kesimpulan yang akan dijalankan berdasarkan keseluruhan penyelidikan yang telah dijalankan iaitu mengenai Kajian Tentang Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu. Kajian penyelidikan ini telah banyak memberi pengkaji peluang bagi mempelajari pelbagai kaedah dan juga cara bagi memperoleh maklumat yang tepat dan sahih. Kajian penyelidikan ini juga telah berjaya merungkai permasalahan kajian, menjawab persoalan kajian dan juga mencapai keseluruhan objektif kajian.

5.1 CADANGAN

5.1.1 Mempercepatkan Proses Penaiktarafan Sistem Pengurusan Koleksi Tekstil

Pihak institut iaitu pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu perlu memainkan peranan penting dalam proses bagi mempercepatkan lagi proses penaiktarafan sistem pengurusan koleksi tekstil. Proses penaiktarafan sistem pengurusan koleksi tekstil ini adalah merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh pihak Muzium Negeri Terengganu. Perkara ini adalah kerana sistem pengurusan koleksi yang lengkap dapat memudahkan pihak muzium dalam proses pendokumentasian setiap koleksi dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan koleksi ini terdiri daripada beberapa peringkat iaitu perolehan dan pengurusan koleksi, pendaftaran koleksi, penstoran dan

penyimpanan koleksi dan juga konservasi. Dengan mempercepatkan proses penaiktarafan sistem pengurusan dapat menjadikan Muzium Negeri Terengganu bergerak seiring dengan Muzium Selangor dan juga Muzium Sultan Abu Bakar, Johor yang telah menggunakan sistem digital lengkap bagi proses pengurusan koleksi.

Walaupun Muzium Negeri Terengganu sedang dalam proses untuk penambahbaikan sistem pengurusan inventori iaitu sistem yang lengkap bagi menggantikan sistem manual yang telah digunakan bermula pada tahun 1996. Tempoh masa bagi penambahbaikan ini juga boleh dipendekkan dari jangka masa yang telah dianggarkan oleh pihak muzium itu sendiri iaitu satu sehingga dua tahun.

5.1.2 Mengunsurkan Cadangan Penambahan Kakitangan Muzium Khususnya Pada Bahagian Konservasi Koleksi

Pihak institusi iaitu pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu perlu memainkan peranan dalam membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat bagi pengambilan pekerja dalam bahagian konservator psds bshsgisn konservasi di Muzium. Cadangan penambahan konservator pada bahagian konservasi adalah bagi memendekkan tempoh masa proses konservasi tekstil. Hal ini adalah kerana bagi proses konservasi sehelai koleksi tekstil akan mengambil masa yang agak lama iaitu selama lima bulan bagi kerosakan major yang terdapat pada kain. Sasaran tahunan yang ditetapkan oleh pihak muzium dalam proses konservasi adalah dua helai kain dalam jangka masa setahun.

Pihak muzium itu sendiri tidak hanya mengkhususkan kerja dalam proses konservasi tekstil sahaja, malah juga pada koleksi lain yang terdapat di muzium. Hal ini demikian kerana Muzium Negeri Terengganu kekurangan

tenaga kerja dalam bidang konservator pada bahagian konservasi. Dengan mengunsurkan cadangan pengambilan tenaga kerja tambahan di Muzium Negeri Terengganu dapat meringankan beban tenaga kerja yang sedia ada sekaligus dapat meningkatkan jumlah tekstil yang boleh dikonservasi dalam sesuatu tempoh masa.

5.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji telah menjawab kesemua persoalan, mencapai objektif kajian dan merungkai segala permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Dapat disimpulkan bahawa pengurusan koleksi tekstil yang teratur di muzium adalah merupakan perkara penting bagi setiap muzium dan perkara ini tidak boleh dipandang rendah oleh pihak muzium. Pelbagai usaha dan cadangan perlu dilakukan oleh pihak Muzium Negeri Terengganu dalam usaha melancarkan lagi proses pengurusan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu.

RUJUKAN

Buku Online

- Agrawal, O.P. (1977). Care and Preservation of Museum Objects. New Delhi: International Centre for Conservation. Retrieved from https://books.google.com.my/books/about/Care_and_Preservation_of_Museum_Objects.html?id=ONVfmgEACAAJ&redir_esc=y
- Ambrose, T. (1993). Managing New Museum. Edinburgh: Scottish Museum Council. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?id=G05MILxM6bcC&pg=PA290&lpg=PA290&dq=Managing+New+Museum+by+ambrose+t&source=bl&ots=yT61jAAG0b&sig=ACfU3U1Jadfp1ntZdIGxkY-pukuTpVaw5Q&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjUndz0-cnqAhVC7XMBHUhrAiwQ6AEwC3oECA8QAQ#v=onepage&q=Managing%20New%20Museum%20by%20ambrose%20t&f=false>
- B. A. V. Peacock. (1955). A Report on Museum in Malaya 1954. Kuala Lumpur: Federation Of Malaya. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/5104913.pdf>
- Fahy, A. (1995). Collections Management. In A. Fahy, *Collections Management (Leicester Readers in Museum Studies)*. Routledge. Retrieved from <https://www.routledge.com/Collections-Management/Fahy/p/book/9780415112833>
- Keene, S. (1996). Managing Conservation In Museums. London: Routledge. Retrieved from <https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=r4UABAAQBAJ&oi=fnd&pg=PP1&dq=managing+conservation+in+museums&ots=AZIoVNA4ci&sig=eW4G19Ezk7MctYMXqqlGwxAr6vA#v=onepage&q=managing%20conservation%20in%20museums&f=false>

Jurnal Artikel Online

- Ahmad, N.H. Pengenalan Kepada Dunia Permuzium. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia Direktori Muzium-Muzium Jabatan Muzium Malaysia. (2012). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia. Retrieved from <http://www.jmm.gov.my/files/Pengenalan%20Kepada%20Dunia%20Permuzium.pdf>
- Brahim, R. (2011). Pengurusan Seni: Kajian Kes Di Muzium Tekstil Sarawak (MTS). Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak. Retrieved from https://www.academia.edu/35886573/PENGURUSAN_SENI_KAJIAN_KES_DI_MUZIUM_TKSTIL_SARA_WAK_MTS_RABUY_AH_BINTI_BRAHIM_Tesis_ini_disediakan_dan_diserahkan_untuk_memenuhi_syarat_memperoleh_ljazah_Satjana_Seni_Pengurusan_Seni

- Lakassa, N. (2007). Kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak. Retrieved from [https://ir.unimas.my/id/eprint/7512/1/KAJIAN%20PENGURUSAN%20KOLEKSI%20ZOOLOGI%20DI%20MUZIUM%20SARAWAK%20\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/7512/1/KAJIAN%20PENGURUSAN%20KOLEKSI%20ZOOLOGI%20DI%20MUZIUM%20SARAWAK%20(24%20pages).pdf)
- Hamzah, N. A. N (2018). Pengurusan Koleksi Kain Limar Di Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT). Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Universiti Malaysia Sarawak. Retrieved from <https://ir.unimas.my/id/eprint/23628/1/PENGURUSAN%20KOLEKSI%20KAIN%20LIMAR%2024pgs.pdf>
- Hassan, N. & Kechot, A.B. S. (2012). Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian di Jabatan Muzium Malaysia. Jurnal Melayu. (9). Retrieved from [file:///C:/Users/User/Downloads/5056-11958-1-SM%20\(3\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/5056-11958-1-SM%20(3).pdf)
- Hassan, N. & Kechot, A.B. S. (2015). Pengelolaan dan Pengurusan Muzium Negara: Sejarah dan Struktur. Jurnal Arkeologi Malaysia. 28. Retrieved from <file:///C:/Users/User/Downloads/119-223-1-PB.pdf>
- Malik, S. N. (2018, May). Tanggapan masyarakat terhadap keboleh pasaran Muzium Negeri Kota Bharu Kelantan. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/325281998_tanggapan_masyarakat_terhadap_keboleh_pasaran_Muzium_Negeri_Kota_Bharu_Kelantan.
- Senawi, O. (2011) Pengurusan Koleksi Muzium Di Jabatan Muzium Negeri Sarawak. Retrieved from <http://umkeprints.umk.edu.my/2095/>

Laman Web

- Airenahmad Follow. (2017, September 05). Kerangka konseptual kajian. Retrieved July 12, 2020, from <https://www.slideshare.net/airenahmad/kerangka-konseptual-kajian>
- Fatin, N. (2015, December 11). Pengertian Tekstil Dan Jenisnya. Retrieved July 12, 2020, from <http://seputarpengertian.blogspot.com/2015/12/pengertian-tekstil-dan-jenisnya.html>
- Konservasi. (n.d.). Retrieved July 12, 2020, from <https://library.utm.my/utmgallerium/konservasi/>
- Najihah, A. (1970, January 01). Perkembangan Muzium Di Malaysia. Retrieved July 12, 2020, from <http://amiranajihahstory.blogspot.com/2018/05/perkembangan-muzium-di-malaysia.html>
- Norazieah. (2015, June 08). BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN – sarah. Retrieved July 12, 2020, from <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>
- Primuscoreadmin. (2015, November 17). Muzium Negeri. Retrieved July 12, 2020, from <http://mbkt.terengganu.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/muzium-negeri>

- Sayshare Follow, S. (2018, November 22). Perbezaan Di Antara Kajian Kuantitatif & Kualitatif. Retrieved July 12, 2020, from <https://www.slideshare.net/razisgty/perbezaan-di-antara-kajian-kuantitatif-kualitatif>
- Unknown, D. (2015). Pengumpulan Data dalam Kajian Tindakan. Retrieved July 12, 2020, from <http://lieydya22.blogspot.com/2015/04/pengumpulan-data-dalam-kajian-tindakan.html?m=1>
- Usman, A. (1970, January 01). Kajian Kuantitatif, Kualitatif Dan Gabungan. Retrieved July 12, 2020, from <http://deitaz.blogspot.com/2010/08/kajian-kualitatif-kuantitatif-dan.html>
- Teja, S. (2016, August 10). Kaedah penyelidikan (persampelan). Retrieved July 12, 2020, from <https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penyelidikan-persampelan>

Orang Sumber

Encik Mohd Arif Bin Abd Razak, *Pembantu Muzium Kanan (Ketua Bahagian Konservasi Koleksi), Muzium Negeri Terengganu, Terengganu*

Encik Mohd Hafis Bin A.Rahman, *Ketua Bahagian Etnologi, Muzium Negeri Terengganu, Terengganu*

LAMPIRAN

AKTIVITI	MINGGU													
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Pemilihan Tajuk Kajian	/													
Penghantaran Proposal		/												
Perbincangan Mengenai Proposal			/											
Pengumpulan Data Sekunder	/	/												
Kajian Lapangan			/											
Analisis Data			/	/	/									
Penulisan Projek Penyelidikan Akhir						/	/	/	/	/	/	/	/	
Penghantaran dan Pembentangan Projek Penyelidikan														/

Jadual 1 : Carta Gantt Projek Penyelidikan I

AKTIVITI	MINGGU													
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Kajian Lapangan										/				
Pengumpulan Data								/	/	/	/			
Analisis Data										/	/	/		
Penulisan Laporan									/	/	/	/	/	
Pembentangan dan Penghantaran Projek Penyelidikan														/

Jadual 1 : Carta Gantt Projek Penyelidikan II

Temubual**TAJUK : KAJIAN TENTANG PENGURUSAN KOLEKSI TEKSTIL DI MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

Objektif pertama: Mengenalpasti kaedah pelaksanaan sistem manual pengurusan koleksi untuk tekstil warisan yang digunapakai di Muzium Negeri Terengganu.

Soalan

1. Bagaimanakah pelaksanaan sistem manual dilakukan?
2. Berapa lamakah sistem manual dalam pengurusan koleksi tekstil ini telah digunakan?
3. Mengapakah galeri tekstil ini masih lagi menggunakan sistem manual dalam pengurusan koleksi tekstil?
4. Adakah Encik berasa masih wajar penggunaan sistem manual dalam pengurusan koleksi tekstil?
5. Adakah terdapat perbezaan sistem pengurusan koleksi tekstil ini mengikut jenis material yang berlainan?

Objektif kedua: Mengkaji kaedah pengurusan penyimpanan koleksi tekstil di Muzium Negeri Terengganu.	
Soalan	
1.	Bagaimanakah cara penyimpanan koleksi tekstil di dalam ruang pameran?
2.	Bagaimanakah cara penyimpanan koleksi tekstil di dalam ruang simpanan?
3.	Adakah kesemua koleksi tekstil yang dimiliki oleh muzium dipamerkan kepada pengunjung atau ada yang disimpan?
4.	Berapakah jenis material koleksi tekstil yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu?
5.	Adakah terdapat perbezaan dalam cara penyimpanan koleksi ini mengikut jenis material?
6.	Adakah suhu memainkan peranan penting bagi penyimpanan koleksi tekstil?
7.	Apakah perbezaan penggunaan suhu dalam penyimpanan berdasarkan jenis material?

Objektif ketiga: Mengkaji proses-proses konservasi koleksi bagi tekstil warisan di Muzium Negeri Terengganu.

Soalan

1. Adakah proses konservasi tekstil warisan dilakukan di Muzium Negeri Terengganu?

2. Bagaimanakah proses pemuliharaan dan pemeliharaan dilakukan?

(Soalan ini merupakan soalan tidak berstruktur berasaskan dari soalan no.1 dimana ianya akan ditanya selepas jawapan diperolehi, susulan pertanyaan seterusnya adalah berkenaan dengan proses pemuliharaan dan pemeliharaan dilaksanakan)

3. Kebiasaannya berapa lamakah tempoh yang diperlukan bagi proses pemuliharaan dan pemeliharaan?

4. Apakah langkah yang paling penting dalam proses tersebut?



UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

Lembaga Muzium Negeri Terengganu
Bukit Losong
20566 Kuala Terengganu
Terengganu

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	NUR LIYANA SHAHIRA BINTI ZAINOL	C17A0233	970128-02-5440	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keupujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.


Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

اونيڤرسيٽي مليسيا كلنتن

Kampus Bachok
Beg Berkunci (Locked Bag) No. 01,
16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 609 779 7260
Fax : 609 779 7262

Rajah 1 : Borang Kebenaran Menjalankan Kajian



لَمْبَاغَا مُزِيُومُ نَغَرِي تَرَنْغَانُو

LEMBAGA MUZIUM NEGERI TERENGGANU

Bukit Losong, 20566 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

Tel : 609-6321200 Faks: 609-6231209 / 609-6266164

E-mail : webmastermuzium@terengganu.gov.my

http://museum.terengganu.gov.my

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

Ruj. Kami

Ruj. Tuan

Tarikh

Bersamaan

: LMN.TR.083/5 Jld.2-(57)

: 29 November 2020

: 13 Rabiulakhir 1442H

Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Bachok
Beg Berkunci No.01
16300 Bachok
Kelantan
U.P : Timbalan Dekan
(Akademik dan Pembangunan Pelajar)

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu bersetuju memberi kebenaran kepada pelajar tuan Puan Nur Liyana Shahira binti Zainol (970128025440) untuk menjalankan penyelidikan di jabatan ini.

2. Walau bagaimanapun, pihak jabatan ini hanya bersedia menerima kunjungan daripada pihak tuan setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) memandangkan Negeri Kelantan masih lagi dalam tempoh (PKPB) tersebut.

2. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan pihak tuan boleh berhubung terus dengan pegawai kami Encik Mohd Hafis Bin A. Rahman (Ketua Bahagian Etnologi) di talian 09-6321200 samb. 1233 / 019-9255673

Pihak kami merakamkan jutaan terima kasih di atas kesudian pihak tuan memilih jabatan kami sebagai tempat rujukan penyelidikan pihak tuan.

Sekian.

Beautiful
Terengganu
Malaysia

Rajah 1 : Borang Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Pihak Muzium Negeri

Terengganu